

Lelaki mengaku tidak bersalah merogol gadis bawah umur

KUCHING: Seorang lelaki berusia 31 tahun mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan merogol gadis berusia 15 tahun yang dikatakan dikenalnya menerusi media sosial.

Tertuduh iaitu seorang penyelia tapak pembinaan, didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 7 malam pada 4 Mac 2025, di dalam sebuah kenderaan pacuan empat roda yang diletakkan di Pantai Abang Amin, Lundu.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh disabit, jika sabit kesalahan.

Difahamkan, laporan polis dibuat oleh mangsa yang kemudiannya membawa kepada penangkapan tertuduh.

Sebaik penakuan tidak

bersalah direkodkan, Timbalan Pendakwa Raya Chuah Kai Sheng memohon agar satu tarikh baharu ditetapkan, selain membantah permohonan jaminan yang dikemukakan oleh peguam mewakili tertuduh, Francis Teron atas alasan keseriusan kesalahan dilakukan.

Menurut Chuah, kesalahan tersebut memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan dikategorikan sebagai kesalahan serius di bawah Seksyen 52B Kanun Keseksaan.

Sehubungan itu, Hakim Iris Awen Jon menetapkan 15 April 2026 sebagai pengu-rusan kes serta tidak mena-warkan sebarang jaminan terhadap tertuduh.

DIDAKWA: Tertuduh (dua kanan) diiringi polis selesai sebutan kes semalam.

